

Pelantikan Mahathir: Tiada lembaga pengarah berundur

Oleh **ABU HAKIM TANZIMUDDIN**

KUALA LUMPUR 19 April - Tiada ahli Lembaga Pengarah Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) yang bercadang meletak jawatan ekoran pelantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai penasihat syarikat pengeluar kereta nasional itu, kata sumber yang rapat dengan Proton hari ini.

Beliau berkata, mesyuarat Lembaga Pengarah Proton dengan bekas Perdana Menteri itu pada hari Sabtu

lalu telah berlangsung dalam suasana amat mesra.

"Semua (ahli lembaga pengarah) yang menghadiri pertemuan dengan Dr. Mahathir gembira dengan hasil mesyuarat," kata sumber itu kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas laporan *The Asian Wall Street Journal* (ASWJ) hari ini bahawa terdapat ahli lembaga pengarah Proton yang mahu meletak jawatan kerana tidak berpuas hati dengan pelantikan Dr. Mahathir.

Sumber itu menambah, lembaga tersebut sebenarnya telah meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar mempercepat pertemuan yang dijadual diadakan dalam minggu ini.

Ini katanya, perlu dibuat selepas pelantikan Dr. Mahathir sudah menjadi pengetahuan umum.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dipercayai telah mengatur pertemuan berkenaan.

Bagaimanapun katanya, ASWJ melaporkan bahawa Abdullah telah

mengarahkan mesyuarat tergepar diadakan antara kedua-dua pihak terbabit ekoran rasa tidak puas hati beberapa ahli lembaga pengarah syarikat itu.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif Proton Holdings Bhd., Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff juga dihantui dengan spekulasi kononnya Khazanah Holdings Bhd. selaku pemegang saham terbesar Proton mahu menyingkirkannya tetapi akhirnya ternyata tidak benar.